

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR

GUAMAN NO. 23VCVC-18-03/2015

Dalam Perkara Mengenai Kaedah 18
Aturan 19(1)(a), (b) ,(c) dan (d) dan
Aturan 92, Kaedah-Kaedah Mahkamah
2012

ANTARA

MARICEL CABANGON PERALTA PERIMALOO
(No. Paspot Philippines: EB 8285177)

PLAINTIF

DAN

1. RICCARDO ROVATI
(No. Paspot British: 094406235)

2. GAURI ROVATI AGGARWAL
(No. Paspot British: 520285527)

3. UMA SUNDRAM
(No. K/P: 740222-75-5016)

4. SENAY BERKPINAR OAKLEY
(No. Paspot Turki: U01242139)

DEFENDAN-DEFENDAN

PENGHAKIMAN

(LAMPIRAN 54)

Pengenalan

[1] Plaintiff (f) warga negara Filipina, adalah pembantu rumah yang bekerja di kondominium Defendan 1 dan 2 pada mulanya di alamat 3C4, Blok C, Nomad Apartment, Jalan Ara, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur dan kemudiannya di B-S-1, Zehn Condominium, Jalan Bukit Pantai, Bangsar, Kuala Lumpur dari bulan Julai 2009 hingga 16 November 2012.

[2] Defendan 1 warga negara British yang tinggal di alamat B-S-1, Zehn Condominium, Jalan Bukit Pantai, Bangsar, Kuala Lumpur dan merupakan majikan kepada Plaintiff.

[3] Defendan 2 seorang warga negara British dan isteri kepada Defendan 1 yang merupakan juga majikan kepada Plaintiff dan tinggal di alamat sama.

[4] Defendan 3 (f) seorang warga negara Malaysia dan tinggal di alamat B-6-3a, Zehn Condominium, Jalan Bukit Pantai, Bangsar, Kuala Lumpur (bersebelahan unit Defendan 1 dan 2). Beliau adalah jiran dan juga rakan karib Defendan 1 dan 2.

[5] Defendan 4 (f) warga negara Turkey, tinggal di alamat A6-C10, Armanee Terrace, Damansara Perdana, Jalan PJU 8/1, Selangor. Beliau adalah rakan rapat kepada Defendan 1 dan 2.

[6] Plaintiff telah memfailkan writ saman dan tuntutan terhadap Defendan 1 - 4 kerana mendakwa mereka telah membuat kenyataan-kenyataan yang memfitnah beliau.

[7] Defendan 1, 2 dan 4 telah membuat permohonan di bawah Aturan 18, Kaedah 19(1) (a), (b), (c) atau (d) dan/atau Aturan 92, Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (Lampiran 54) untuk satu perintah:-

- (i) pernyataan tuntutan terpinda Plaintiff di batalkan (strike out),
- (ii) jawapan Plaintiff kepada pembelaan Defendan 1, 2 dan 4 di batalkan,
- (iii) Plaintiff di larang daripada memfailkan tindakan yang sama terhadap Defendan 1, 2 dan 4,

- (iv) secara alternatif perenggan-perenggan 14, 15, 16, 17, 21, 22, 23, 24, 25 dan 26 pernyataan tuntutan terpinda Plaintiff di batalkan,
- (v) kos permohonan ini dalam kausa, manakala kos-kos permohonan lain di bayar oleh Plaintiff,
- (vi) lain-lain perintah lanjut yang difikirkan adil dan sesuai oleh mahkamah.

Fakta

[8] Plaintiff bekerja sebagai seorang pembantu rumah di unit condo Defendan 1 dan 2 dari bulan Julai 2009 hingga 16 November 2012 mulanya di alamat 3C4, Blok C, Nomad Apartment, Jalan Ara, Bangsar, 59100 Kuala Lumpur dan kemudiannya di B-S-1, Zehn Condominium, Jalan Bukit Pantai, Bangsar, Kuala Lumpur. Beliau menerima gaji sebanyak RM1400 sebulan.

[9] Dalam tempoh tersebut, tugas-tugas Plaintiff sebagai pembantu rumah dari pagi hingga petang adalah menjaga kedua-dua anak Defendan 1 dan 2 (berumur 4 dan 6 tahun), memasak, membeli barangan dapur, mencuci lantai, mencuci pakaian dan lain-lain tugas yang di arahkan oleh Defendan 1 dan 2.

[10] Pada 16.11.2012, Plaintiff telah meninggalkan premis berkenaan kerana mendakwa di paksa bekerja dari pagi hingga malam, tidak di beri cuti, tidak di bayar elaun lebih masa, tidak di bayar gaji bulan Oktober dan November 2012 dan memotong gaji Plaintiff untuk bayaran permit pekerjaan dan membaiki kerosakan lantai premis berkenaan.

[11] Plaintif kemudiannya membuat laporan polis terhadap majikannya (Defendan 1 dan 2) dan mendapat bantuan Tenaganita (NGO) bagi mengambil barang-barang peribadinya di premis berkenaan selepas beliau keluar dari situ.

[12] Setelah keluar dari premis Defendan 1 dan 2, Plaintif telah berkahwin dengan seorang lelaki tempatan pada 18.2.2013 dan perkahwinan mereka didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Hulu Langat, Selangor.

[13] Pada 13.9.2013, Plaintif telah memfailkan tuntutan terhadap Defendan 1 di Pejabat Tenaga Kerja, Kuala Lumpur bagi tunggakan gaji dan lain-lain relif. Setelah kes ini di dengar, Pejabat Tenaga Kerja pada 17.6.2014 memerintahkan Defendan 1 membayar sebanyak RM3,700 bagi keseluruhan butir-butir tuntutan Plaintif. Defendan 1 telah membuat bayaran tersebut kepada Plaintif selepas itu.

[14] Semasa prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur pada 26.2.2014 dan 5.3.2014, Plaintif mendakwa Defendan 1 telah membuat pernyataan fitnah terhadap Plaintif dengan menyatakan beliau (Defendan 1) ada menyimpan foto bogel dan separuh bogel Plaintif dalam komputer ribanya dan mengugut akan menunjukkannya kepada Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur dan orang lain. Selain dari itu Plaintif juga mendakwa Defendan 1 menuduh beliau sebagai seorang pembohong, pemalas dan tidak boleh di percayai. Semasa pernyataan Defendan 1 itu dibuat, suami Plaintif ada bersamanya.

[15] Plaintif menafikan tuduhan Defendan 1 itu dan mendakwa akibat pernyataan itu, beliau mengalami tekanan emosi dan mental yang teruk

serta menjejaskan hubungan beliau dengan suami. Plaintiff kemudian membuat laporan polis tentang insiden itu pada 7.3.2014.

[16] Selain dari itu semasa prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur, Defendan 1 telah mengemukakan satu pernyataan bertulis (surat) bertarikh 11.2.2014 yang dibuat oleh Defendan 3. Plaintiff mendakwa pernyataan bertulis oleh Defendan 3 itu berunsur fitnah.

[17] Dalam prosiding yang sama, Defendan 1 juga telah mengemukakan satu lagi pernyataan bertulis bertarikh 12.2.2014 yang dibuat oleh Defendan 4. Pernyataan bertulis itu juga di dakwa oleh Plaintiff sebagai suatu pernyataan fitnah.

[18] Selain dari itu Defendan 2 pada 12.5.2013 telah memuatnaik satu penulisan pendek dalam laman media sosial *Face Book* berhubung dengan perkara ini dan Plaintiff menganggapnya sebagai satu pernyataan fitnah.

[19] Pada 27.5.2013 di halaman media sosial *Face Book*, Defendan 4 telah memuatnaik penulisannya yang mana juga di anggap pernyataan fitnah oleh Plaintiff.

[20] Ekoran dari insiden-insiden tersebut, Plaintiff telah memfailkan writ saman terhadap Defendan 1 - 4 atas tuntutan fitnah dan menuntut pelbagai relif termasuk gantirugi sebanyak RM 5 Juta dalam pernyataan tuntutannya.

Isu

[21] Adakah pernyataan tuntutan terpinda Plaintiff terhadap Defendan 1, 2 dan 4 :-

- (i) tidak dengan munasabah menunjukkan satu kausa tindakan (*cause of action*),
- (ii) *scandalous, frivolous and vexatious*,
- (iii) memprejudiskan, mengaibkan atau melewatkan perbicaraan adil, atau
- (iv) menyalahguna proses mahkamah.

Kes Defendan 1, 2 dan 4/Pemohon

[22] Defendan 1, 2 dan 4 menyatakan tuntutan Plaintiff terhadap mereka adalah berdasarkan:-

- (i) Defendan 1

Plaintiff mengatakan Defendan 1 mempunyai foto bogel dan separuh bogel Plaintiff di dalam komputer ribanya dan mengugut akan menunjukkannya kepada Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur dan orang lain.

Selain dari itu Plaintiff juga mendakwa Defendan 1 menuduh beliau sebagai seorang pembohong, pemalas dan tidak boleh di percayai. Semasa pernyataan Defendan 1 itu dibuat, suami Plaintiff ada bersamanya.

Defendan 1 dalam affidavit sokongannya menafikan beliau ada mengeluarkan kenyataan-kenyataan tersebut. Sebaliknya Defendan 1 menegaskan kenyataan-kenyataan tersebut keluar semasa di soal dalam prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur. Prosiding tersebut pula adalah diperuntukan di bawah Seksyen 70 Akta Kerja 1955.

Sehubungan dengan itu Defendan 1 menghujahkan bahawa ianya adalah mendapat perlindungan mutlak dan kebal (*immune*) dari sebarang tindakan.

(ii) Defendan 2

Defendan 2 telah memuatnaik satu tulisan berhubung dengan Plaintiff di laman sosial *Face Book*.

Perkataan dalam halaman *Face Book* yang di dakwa sebagai kenyataan fitnah oleh Plaintiff (perenggan 18 dalam pernyataan tuntutan terpenda Plaintiff) adalah:-

“...Bad Maid Alert:

Name: Marieel who is recently married to an Indian/Malaysian. Please be careful and steer away. More info can be given at request as its long story to fit here but please stay away...”

Defendan 2 menyatakan bahawa beliau adalah majikan kepada Plaintiff. Plaintiff tinggal di unit kondominium bersama dengan Defendan 1, 2 dan anak-anak mereka. Jadi Defendan 2 tahu dan lihat sendiri apa yang dilakukan oleh Plaintiff setiap hari di premis tersebut.

Beliau menegaskan apa yang beliau tulis dan memuatnaik ke laman sosial *Face Book* adalah perkara benar yang beliau sendiri ada pengetahuan dan melihat sendiri setiap hari. Dan apa yang ditulis beliau adalah berdasarkan apa yang sebenarnya berlaku semasa prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur. Jadi tidak timbul Defendan 2 mereka-reka insiden tersebut dan seterusnya membuat kenyataan yang memfitnahkan Plaintiff.

Selanjutnya Defendan 2 menyatakan bahagian di dalam kenyataan *Face Book* itu yang dianggapnya sebagai suatu kenyataan fitnah oleh Plaintiff

adalah sebenarnya bukan suatu kenyataan fitnah. Defendan 2 juga menghujahkan halaman *Face Book* itu adalah eksklusif dan dikongsi oleh beberapa orang kawan rapatnya sahaja. Dan untuk membuka halaman tersebut memerlukan satu *password* khas yang diketahui oleh ahli-ahli halaman itu sahaja.

Oleh yang demikian Defendan 2 menghujahkan beliau mendapat suatu perlindungan mutlak atau/dan bersyarat.

Defendan 2 juga menghujahkan Plaintiff telah gagal mengenal pasti siapakah dari kalangan ahli-ahli itu yang telah membaca kenyataan yang di muat naikkan tersebut.

Sehubungan dengan itu Defendan 2 memohon tuntutan Plaintiff terhadap beliau dibatalkan selaras peruntukan Aturan 18, Kaedah 19(1) (a), (b), (c) dan (d) dan/atau Aturan 92, Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

(iii) Defendan 4

(a) Defendan 4 menulis sepucuk surat rujukan tingkah laku (*character reference*) bertarikh 12.2.2014 yang ditulis atas permintaan Defendan 1. Surat tersebut telah dikemukakan dan digunakan dalam prosiding di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur di mana Plaintiff menuntut dari Defendan 1 tunggakan gaji dan lain-lain relief.

Keseluruhan kandungan surat tersebut di kemukakan dalam penghakiman ini:-

“I am writing to provide you with a character reference for Gauri Rovati, in relation to the unfortunate circumstance surrounding Maricel Perimaloo and her husband Rave Perimaloo and her husband Rave Perimaloo’s allegations.

Firstly I would like to state my disbelief at the allegations Gauri and her husband Riccardo are having to defend by their ex-employee whom, Gauri had treated with nothing but love and care (hence the length of time she had worked with Gauri and her family as opposed to running away after 2 months of employment like most employees under stress would do).

I have known Gauri for more than 20 years, we met in England when she was 19 and 16. I have known Gauri long enough to vouch for her with an open and full heart Gauri has treated Maricel with the utmost respect at all times. Maricel was usually this happy and chirpy person in their home, her happiness would beam through her face each time we have been together.

I was surprised to hear from Gauri that Maricel was in two minds about extending her contract as she seemed extremely happy and very content. Strangely Maricel told Gauri that she wanted to leave Malaysia to marry her boyfriend in Philippines called Eric (her longtime partner that we knew of at the time). During that time we heard she was in a relationship with Rave this is was odd as we could not understand why she felt the need to keep that from Gauri. Despite that Gauri gave her blessing in her decision to move on and so the final talks on how Maricel’s employment was coming to an end had started. To my knowledge it was at this stage when one ordinary day Maricel left the house to not return (or so we thought). I was very sad for Gauri mostly, as she really was there for Maricel and no one (especially Gauri) would expect Maricel to resort to running away with no apparent reason. Whilst I was at Gauri’s house consollong her of her shock we had another incident that evening as Maricel returned with a bunch of people from the NGO and non uniformed police officers (as they mentioned) to collect her left over belongings. The belongings were all place in a bag and given to a member of the NGO to pass to Maricel. It was very strange for Maricel to take such action, if not for anything but for two main reasons. 1) She had been working with the family for 3 years and 8 months and all that time I have never ever seen her in distress, she was this happy and chirpy person who got on well with her work and the family as a whole, Gauri and Riccardo’s 2 girls loved and adored Maricel so much. 2) since Gauri gave all her blessing and they both agreed they were not renewing contract it was strange that Maricel would run away given she was living pretty soon after anyway.

In my utmost seven years of being in this country, I have never seen or heard any maid react so harshly to her employers, especially since Gauri was perceived as being far too soft and giving towards her maid Maricel. I know every Sunday Maricel used to get take outs brought to the house and her every need was taken care of by Gauri. I even know that Maricel used to get special rice as she didn’t like any other types. This is not a type of employer that would do or think to do any harm to her staff. They were happy all the way around and her long term contract proves nothing but that.

No one knows the real reason behind all these allegations but one can easily guess that money must play a big role in all of this.

Sadly , I witnessed a very deceitful side of Maricel from that day onward and the shock doesn't seem to know of any limit. I hope people who do harm in the name of money gain will see that they cannot simply lie and expect their lies to return any benefit. I hope they will get what they deserve and I hope that this will be done in the court of law.

If you need me present in the court or need to talk further to gain light from my experience at the Rovati house please do contact me by phone at 0123357743 or by email at Senayo@oakleysteel.co.uk.

Whatever your decision please accept my sincere thanks for your time and consideration in reading this letter."

[23] Defendan 4 seterusnya menyatakan berdasarkan surat tersebut, Plaintiff telah mendakwa beliau telah membuat kenyataan berunsur fitnah terhadap Plaintiff kerana menurut Plaintiff kandungan surat tersebut adalah bermaksud:-

- (i) Plaintiff cuba memeras ugut Defendan 1 dan 2,
- (ii) Plaintiff bukanlah pembantu rumah yang jujur dan ikhlas,
- (iv) Plaintiff adalah seorang penipu dan pembohong,
- (iv) Plaintiff harus di hukum di bawah undang-undang Malaysia,
- (v) Plaintiff dan suaminya telah menipu Defendan 1 dan 2.

[24] Defendan 4 dalam penghujahannya menyatakan beliau adalah rakan rapat Defendan 1 dan 2. Beliau tahu dan kenal Plaintiff, Defendan 1 dan 2.

[25] Defendan 4 juga mengetahui bahawa Defendan 1 dan 2 mempunyai dua orang anak kecil berumur 4 dan 6 tahun dan dijaga oleh Plaintiff di premis Defendan 1 dan 2. Sebagai kawan rapat, Defendan 4 juga datang ke unit kondominium Defendan 1 dan 2.

[26] Bagi prosiding tuntutan Plaintiff terhadap Defendan 1 di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur, Defendan 1 telah meminta Defendan 4 menyediakan sepucuk surat rujukan tingkah laku (*character reference*) Plaintiff kerana Defendan 4 adalah rakan rapat Defendan 1 dan 2 dan Defendan 4 kenal penghuni-penghuninya. Surat itu bertarikh 12.2.2014 telah disediakan dan diserahkan pada Defendan 1. Defendan 1 telah mengemukakan surat tersebut semasa prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur.

[27] Defendan 4 menegaskan apa yang beliau tulis adalah berunsurkan fakta yang benar yang beliau pernah saksikan sendiri. Beliau juga menegaskan beliau tidak mempunyai unsur-unsur fitnah atau niat jahat atau menimbulkan prejudis dalam menulis surat itu.

[28] Akhir sekali Defendan 4 mengatakan surat tersebut ditulis khusus untuk digunakan dalam perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur sahaja. Ianya telah dikemukakan oleh Defendan 1 sebagai eksibit dalam perbicaraan tersebut.

[29] Surat tersebut di alamatkan kepada pegawai Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur bernama Wan Ainon Zuhaida binti Wan Abdul Khalid sahaja. Defendan 4 tidak pernah dipanggil sebagai saksi atau dipanggil untuk memperjelaskan kandungan surat itu dalam prosiding tersebut. Defendan 4 juga tidak pernah menerbitkan surat tersebut dalam mana-mana media sosial atau di mana-mana tempat.

[30] Oleh yang demikian Defendan 4 menghujahkan beliau mempunyai pembelaan *absolute privilege* dan tidak perlu menarik balik kenyataan benar tersebut atau memohon maaf pada Plaintiff.

(b) Defendan 4 juga didakwa memuatnaik satu tulisan berhubung dengan Plaintiff di laman sosial *Face Book*.

[31] Perkataan dalam halaman *Face Book* yang di dakwa sebagai kenyataan fitnah oleh Plaintiff (perenggan 26 dalam pernyataan tuntutan terpinda Plaintiff) adalah:-

“... Gauri doesn't check her Facebook much, I will ask her to make a document listing all the problems. I was with Gauri at time of her maid runaway. Not only that she run away, she came back with bunch of police to collect her stuff. She lied and lied and in the end she run away...”

[32] Defendan 4 dalam penghujahannya menyatakan beliau adalah rakan rapat Defendan 1 dan 2. Beliau tahu dan kenal Plaintiff, Defendan 1 dan 2.

[33] Beliau menegaskan apa yang beliau tulis dan memuatnaik ke laman sosial *Face Book* adalah perkara benar yang beliau sendiri ada pengetahuan dan melihat sendiri setiap kali berkunjung ke unit kondو Defendan 1 dan 2. Dan apa yang ditulis beliau adalah berdasarkan apa yang sebenarnya berlaku semasa prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur. Jadi tidak timbul Defendan 4 mereka-reka insiden tersebut dan seterusnya membuat kenyataan yang memfitnahkan Plaintiff.

[34] Selanjutnya Defendan 4 menyatakan bahagian di dalam kenyataan *Face Book* itu yang dianggapnya sebagai suatu kenyataan fitnah adalah sebenarnya bukan suatu kenyataan fitnah. Defendan 4 juga menghujahkan halaman *Face Book* itu adalah eksklusif dan dikongsi oleh beberapa orang kawan rapatnya sahaja. Dan untuk membuka halaman tersebut memerlukan satu *password* khas yang diketahui oleh ahli-ahli halaman itu sahaja.

[35] Oleh yang demikian Defendan 4 menghujahkan beliau mendapat suatu perlindungan mutlak atau/dan bersyarat.

[36] Defendan 4 juga menghujahkan Plaintiff telah gagal mengenal pasti siapakah dari kalangan ahli-ahli itu yang telah membaca kenyataan yang di muat naikkan tersebut.

[37] Sehubungan dengan itu Defendan 4 memohon tuntutan Plaintiff terhadap beliau dibatalkan selaras peruntukan Aturan 18, Kaedah 19(1) (a), (b), (c) dan (d) dan/atau Aturan 92, Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Kes Plaintiff/Responden

[38] Plaintiff dalam membantah permohonan Defendan 1, 2 dan 4 ini telah menegaskan (dalam afidavit jawapan) bahawa kenyataan Defendan 1, 2 dan 4 dalam prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur berhubung dengan surat rujukan tingkahlaku, kenyataan semasa prosiding dan memuatnaik dalam halaman *Facebook* tidak menarik perlindungan mutlak (*absolute privelege*) atau perlindungan bersyarat (*qualified privelege*) kerana ada di antara maklumat itu diperolehi dari pihak lain yang belum tentu status kebenarannya. Kemudian Defendan 1, 2 dan 4 menokok tambah kenyataan-kenyataan berunsur fitnah tersebut.

[39] Selanjutnya Plaintiff menimbulkan peruntukan Seksyen 11(2) Akta Fitnah 1957 yang melarang sebarang siaran dalam bentuk tulisan yang boleh menjejaskan sesuatu pihak dan melarang penerbitannya.

[40] Tindakan Defendan 1, 2 dan 4 ini menyebabkan Plaintiff mengalami tekanan emosi dan mental dan menanggung malu di mata masyarakat dan orang-orang yang mengenali Plaintiff.

[41] Plaintiff menegaskan lagi Defendan 2 dan 4 juga tidak dilindungi dalam pembelaan perlindungan bersyarat (*qualified privilege*). Ini adalah kerana surat rujukan tingkah laku oleh Defendan 4 dan kenyataan-kenyataan Defendan 2 dan 4 yang di muat naik ke halaman *Facebook* tidak ujud dalam suasana atau majlis yang lindungi. Tindakan Defendan 2 dan 4 itu adalah dengan sengaja di buat dan menyebabkan fitnah terhadap Plaintiff. Seterusnya kandungan kenyataan tersebut secara jelas memalukan dan menjatuhkan maruah Plaintiff.

[42] Surat rujukan tingkah laku oleh Defendan 4 dan kenyataan-kenyataan yang di muat naik ke dalam *Face Book* oleh Defendan 2 dan 4 juga jelas menimbulkan anggapan bahawa Plaintiff adalah tidak jujur, khianat dan niat buruk Plaintiff.

[43] Oleh yang demikian Plaintiff memohon permohonan Defendan 1, 2 dan 4 ini di tolak dengan kos.

Analisa dan penemuan mahkamah

[44] Dalam writ saman kes ini (23NCVC-18-03/2015), Defendan-Defendan telah memfailkan tiga permohonan interlokutari termasuk permohonan ini:-

- (i) permohonan oleh Defendan 3 di bawah Aturan 18, Kaedah 19(1)(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (Lampiran 42),

- (ii) permohonan oleh Defendan 1, 2 dan 4 di bawah Aturan 18, Kaedah 19(1)(a),(b),(c) dan/atau (d) atau/dan Aturan 92, Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (Lampiran 54),
- (iii) permohonan Defendan 1 di bawah Aturan 14A, Kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (Lampiran 57).

Ketiga-tiga permohonan interlokutari tersebut telah didengar pada 19.1.2016. Manakala keputusan kesemuanya disampaikan pada 5.2.2016.

[45] Bagi permohonan Defendan 1 di bawah Aturan 14A, Kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (Lampiran 57), Defendan telah mengemukakan persoalan undang-undang yang memerlukan keputusan mahkamah.

Persoalan undang-undang itu adalah:-

“Sama ada berdasarkan fakta, prosiding di Pejabat Tenaga Kerja, Kuala Lumpur di bawah Seksyen 70 Akta Kerja 1955 adalah peristiwa yang diperlindungi mutlak (absolute privelege) dan/atau perlindungan bersyarat (qualified privelege) DAN/ATAU sama ada kenyataan-kenyataan lisan/bertulis bagi prosiding itu adalah perlindungan mutlak dan/atau bersyarat dan/atau kebal (immune) terhadap tindakan fitnah yang sama”.

Mahkamah telah menjawab persoalan undang-undang tersebut sebagai *affirmative* iaitu:-

- (i) berdasarkan kepada fakta-fakta seperti dalam pliding dan pindaan-pindaannya, prosiding di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur menurut Sesyen 70 Akta Kerja 1955 adalah satu peristiwa yang berpelindungan mutlak; dan
- ii) kenyataan-kenyataan lisan dan bertulis yang dilakukan ketika dan bagi tujuan prosiding tersebut adalah berpelindungan mutlak dan “*immune*” terhadap tindakan fitnah berkenaan.

[46] Merujuk kepada permohonan Defendan 1, 2 dan 4 di bawah Aturan 18, Kaedah 19(1) (a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (Lampiran 54) supaya pernyataan tuntutan Plaintif di batalkan, mahkamah telah menganalisa perkara-perkara berikut.

- (i) kenyataan Defendan 1 dalam prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur.

Mahkamah mendapati kenyataan-kenyataan itu dibuat semasa prosiding perbicaraan berlangsung dan mahkamah percaya timbul berdasarkan soalan/jawapan dalam prosiding berkenaan.

Oleh yang demikian berdasarkan keputusan mahkamah ini dalam permohonan Lampiran 57, kenyataan-kenyataan tersebut merupakan sebahagian dari prosiding perbicaraan dan oleh itu mendapat perlindungan mutlak dan kebal (*immune*) dari tindakan fitnah.

- (ii) Defendan 2 dan 4 memuat naik kenyataan yang di dakwa fitnah dalam halaman sosial *Face Book*.

Mahkamah telah meneliti kepada kedua-dua kenyataan tersebut (sila rujuk semula seperti yang dinyatakan di atas di perenggan [22] dan [31]).

Melihat kepada perkataan-perkataan yang digunakan dan berdasarkan kepada keseluruhan fakta yang dihuraikan sebelum ini dalam penghakiman ini, mahkamah mendapati dan berpuas hati bahawa apa yang dinyatakan itu adalah bertepatan dengan insiden sebenar yang berlaku dan diketahui sendiri oleh Defendan 2 dan 4. Komen yang mereka buat adalah jujur dan bersandarkan kepada fakta sebenar dan

juga telah ditimbulkan dalam prosiding perbicaraan di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu ianya juga mendapat perlindungan mutlak dan kebal (*immune*) dari tindakan fitnah.

(iii) surat rujukan tingkah laku (*character reference*) oleh Defendan 4.

Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan 4 adalah berhubung dengan sepucuk surat rujukan tingkah laku (*character reference*) bertarikh 12.2.2014 yang ditulis beliau atas permintaan Defendan 1. Surat tersebut telah dikemukakan dan digunakan dalam prosiding di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur di mana Plaintiff menuntut dari Defendan 1 tunggakan gaji dan lain-lain relif.

[47] Berdasarkan kepada keputusan mahkamah ini dalam Lampiran 57, mahkamah antara lainnya telah memutuskan bahawa pernyataan bertulis yang dikemukakan dan digunakan dalam prosiding di Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur adalah mendapat perlindungan mutlak dan kebal (*immune*) terhadap tindakan fitnah berkenaan. Oleh yang demikian tuntutan Plaintiff terhadap Defendan 4 seperti dalam Pernyataan Tuntutan Terpinda tiada lagi bermerit dan ianya adalah memenuhi peruntukan Aturan 18, Kaedah 19(1) (a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[48] Mahkamah dalam perkara ini adalah berhak untuk melihat kepada undang-undang dan keterangan yang sedia ada secara *detail* untuk memastikan sama ada kes telah di kemukakan secara mencukupi bagi membatalkan tuntutan. Mahkamah dengan itu merujuk kepada persoalan

undang-undang yang di timbulkan dalam permohonan Defendan 1 di Lampiran 57 dan kepada keputusan yang telah di buat itu dalam mencapai keputusan dalam permohonan Defendan 1, 2 dan 4 di Lampiran 54.

[49] Prinsip ini telah dinyatakan dalam kes ***Tractors Malaysia Bhd v Tio Chee Hing [1975] 2 MLJ 1 (Privy Council):-***

The power to dismiss an action summarily without permitting the plaintiff to proceed to trial is a drastic power. It should be exercised with the utmost caution. Had the matter depended upon the contents of the Statement of Claim alone, their Lordships would have been loth to differ from the opinion of the Federal Court that, despite imperfections in drafting (which however might have been capable of cure by amendment) the Statement of Claim, at any rate as respects some of the claims to alternative relief, did raise questions of law that were sufficiently arguable to justify proceeding to trial. In refusing to submit the evidence to critical examination, however, the Federal Court erred in law. This makes it necessary for their Lordships to state briefly the facts disclosed by the evidence which, in their view, lead to the conclusion that the New Action could not possibly succeed.

[50] Mahkamah akur dengan prinsip berhubung dengan membatalkan pliding (*striking out*) seperti yang telah di putuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes ***Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36*** yang menyatakan:-

“This summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it ‘obviously unsustainable’.”

[51] Prinsip yang sama juga telah di nyatakan dalam kes ***Mooney & Ors Peat, Marwick, Michell & Company & Anor [1967] 1 MLJ 87*** , Raja Azlan Shah J (seperti masa itu) dalam menjelaskan peruntukan Aturan 25, Kaedah 4 Kaedah Mahkamah Rayuan (*in pari materia* Aturan 18, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012) menyatakan:-

*“It is firmly established that the power exercisable under r. 4 is only appropriate in cases which are plain and obvious so that a judge can say at once that a statement of claim as it stands is insufficient, even if proved, to entitle the plaintiff to the relief of which he asks for: see the judgment of Lindley MR in **Hubbuck & Sons v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd (1899) 1 QB 86, 91**, where situation arises, the pleadings and particulars alone shall be considered and all the allegations in it shall be presumed to be true, and it is only on that assumption that any stutable case can be made for this application: see **Pecky Russell (1923) 4 FMS LR 32, 34**. The court cannot and indeed is not empowered to look behind the pleadings and particulars if it discloses a reasonable cause of action. So long as the statement of claim discloses some ground of action the mere fact that the plaintiff is not likely to succeed on it at the trial is no ground for it to be struck out: see **Boaler Holder (1886) 54 LT 298**.”*

[52] Juga dalam kes **Shanghai Hall Ltd v Chong Mun Mun Foo & Ors [1967] 1 MLJ 254** dengan merujuk kepada Aturan 25 Kaedah 4 Kaedah Mahkamah Rayuan 1957, Raja Azlan Shah J (seperti masa itu) menyatakan:

*“This is an application by the defendants to strike out the statement of claim under Order 25, rule 4. The principle to be applied is well established. If authority be needed for what may be considered as axiomatic, I need only refer to the recent case of **Wenlock v Maloney (1965) 1 WLR 1238 at 1243**, where Danckwerts LJ said:*

“Under the rule i.e. O.25, r.4 it had to appear on the face of plaintiff’s pleadings that the action could not succeed or was objectionable for some other reason. No evidence could be filed.... But, as the procedure was of a summary nature, the party was not to be deprived of his right to have his case tried by a proper trial unless the matter was clear.””

[53] Mahkamah juga telah mengambil ingatan bahawa kelemahan kes Plaintiff atau tidak berupaya untuk berjaya bukanlah satu faktor untuk membatalkan sesuatu pliding.

[54] Ini adalah selaras dengan prinsip yang di utarakan dalam kes **Abu Bakar bin Haji Yusuf v Multidev Sdn Bhd & Ors [1978] 2 MLJ 78** di mana mahkamah menyatakan:

“As a general rule it is only in plain and obvious cases that recourse should be had to this summary procedure. The mere fact that the case is weak and unlikely to succeed is no ground for striking out a pleading.”

[55] Prinsip yang sama juga dinyatakan dalam kes ***Pertamina v Kartika Ratna Thahir & Ors [1983] 1 MLJ 136*** dan kes ***Ng Wu Hong v Abraham Verghese TV Abraham & 18 Ors [2007] 1 LNS 138***.

[56] Mahkamah juga dalam permohonan Defendan 1, 2 dan 4 ini telah menggunakan *inherent jurisdiction* di bawah Aturan 92, Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 iaitu dengan mengambil kira keputusan yang di buat dalam Lampiran 57.

[57] Prinsip ini telah dinyatakan dalam kes ***Raja Zainal Abidin bin Raja Haji Tachik & Ors v British-American Life & General Insurance Bhd [1993] 3 MLJ 16 (Supreme Court):-***

“It is to be remembered that the High Court always has an inherent jurisdiction to prevent abuse of its process irrespective of whether it is expressly called for or not in an application under O 18 r 19.”

[58] Atas analisa-analisa di atas, mahkamah telah mendapati bahawa permohonan untuk membatalkan pernyataan tuntutan terpinda Plaintiff terhadap Defendan 1, 2 dan 4 memenuhi peruntukan Aturan 18, Kaedah 19(1) (a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Keputusan

[58] Mahkamah dengan itu membenarkan permohonan Defendan 1, 2 dan 4 (Lampiran 54) untuk membatalkan pernyataan tuntutan terpinda Plaintiff. Kos sebanyak RM5000 setiap seorang diperintahkan Plaintiff untuk membayar kepada Defendan 1, 2 dan 4.

Bertarikh: 5 April 2016

Sgd.
(ROSLAN BIN A. BAKAR)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

Peguamcara bagi pihak Plaintiff :

Tetuan Saravanan & Nasriq
Peguambela & Peguamcara
No. 221, 1st Floor
Jalan 18/23, Taman Sri Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan.

Peguamcara bagi pihak Defendan Pertama, Kedua & Keempat:

Tetuan Thomas Philip
Peguambela & Peguamcara
5-1, Jalan 22A/70A
Wisma CKL
Desa Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur.

Peguamcara bagi pihak Defendan Ketiga:

Tetuan S Pandi Durai & Associate
Peguambela & Peguamcara
No. 45-1, Jalan Kemuning Prima D33/D
Kemuning Utama
40460 Shah Alam
Selangor.

